



POLISI AKAUNTABILITI PENGGUNAAN KEMUDAHAN ICT

Tarikh Kuatkuasa	21 Feb 2005	Pindaan		Diluluskan Oleh	_____ Naib Canselor UNISEL
------------------	-------------	---------	--	-----------------	-------------------------------

12.1 Tujuan Polisi

Polisi ini menyatakan tanggungjawab pihak yang terlibat dengan penggunaan kemudahan ICT di UNISEL seperti berikut:

- i. Melindungi kepentingan pengguna utama ICT apabila berlaku kejadian pelanggaran atau pencabulan polisi-polisi keselamatan ICT yang lain; dan
- ii. Menyokong usaha UNISEL untuk menjaga kepentingan 'stakeholder' dengan menyatakan Polisi Memelihara dan Melindungi Maklumat Peribadi.

12.2 Skop Polisi

Skop polisi ini meliputi tanggungjawab pengguna dan UNISEL yang berkaitan dengan penggunaan, pencapaian, pemprosesan, penyimpanan maklumat atau perkhidmatan yang berkaitan dengan ICT. Polisi ini merangkumi:

- i. Perkhidmatan-perkhidmatan ICT;
- ii. Penyelenggaraan dan penyeliaan perkhidmatan-perkhidmatan ICT; dan
- iii. Penggunaan perkhidmatan-perkhidmatan ICT.

12.3 Tanggungjawab UNISEL

UNISEL sebagai pihak utama yang menyediakan kemudahan dan peralatan ICT bertanggungjawab ke atas perkara berikut:

- i. Menyediakan peralatan ICT seperti komputer peribadi, komputer server, pencetak, alat-alat rangkaian (seperti 'router', 'switch', 'hub', dan sebagainya), untuk memberikan infrastruktur asas bagi pengguna-penggunanya menjalankan tugas;
- ii. Menyediakan perkhidmatan ICT untuk mencapai visi dan misi UNISEL seperti pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan dan pentadbiran;
- iii. Menyelenggara dan membaikpulih peralatan ICT yang dinyatakan dalam perkara 12.3.1;
- iv. Menyelenggara dan mengkonfigurasi ciri-ciri keselamatan perkhidmatan ICT supaya selamat digunakan oleh pengguna;

- v. Mengikuti perkembangan semasa keselamatan ICT dan mengambil langkah bersesuaian untuk meningkatkan kekebalan keselamatan peralatan dan perkhidmatan ICT;
- vi. Pentadbir sistem maklumat/pangkalan data bertanggungjawab membuat salinan ('backup') data dan maklumat pengguna yang terdapat pada komputer-komputer server yang diselenggarakan;
- vii. Menyediakan dan mengambil langkah-langkah keselamatan lain seperti penyediaan pendinding keselamatan ('firewall'), peralatan pemantauan, dan lain-lain peralatan dan perkhidmatan keselamatan yang difikirkan perlu;
- viii. Menyediakan kemudahan auditan dengan merekod aktiviti pengguna ICT samada secara automatik menerusi penggunaan peralatan/perisian khusus atau menerusi kemasukan data-data tertentu ke dalam buku-buku log; dan
- ix. Melaksanakan polisi penyiasatan sebagaimana yang disediakan oleh MAMPU untuk menangani insiden-insiden pencabulan keselamatan.

12.4 Bukan Tanggungjawab UNISEL

Sekiranya berlaku kesilapan mekanikal ke atas peralatan ICT yang disediakan oleh UNISEL yang menyebabkan keselamatan, integriti dan kandungan maklumat atau data yang dilindungi terjejas, dan kesilapan ini berlaku di luar jangkaan dan keperluan teknikal UNISEL, maka UNISEL tidak bertanggungjawab terhadap kemudaratan yang disebabkan oleh kesilapan mekanikal peralatan tersebut.

12.5 Tanggungjawab Pengguna

- i. Mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dalam Polisi Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi;
- ii. Bertanggungjawab terhadap kerosakan, kerugian, kehilangan atau gangguan perkhidmatan ke atas sistem-sistem lain, sekiranya aktiviti-aktiviti yang dilakukannya menyebabkan perkara-perkara tersebut berlaku, dan kegiatan tersebut dilakukan pada peralatan atau menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh UNISEL;
- iii. Tidak memberi atau membenarkan dengan sengaja orang perseorangan atau individu lain menggunakan kemudahan dan perkhidmatan ICT yang disediakan oleh UNISEL di atas identiti beliau;
- iv. Bertanggungjawab ke atas sebarang instalasi mana-mana perisian yang tidak disahkan (perisian tidak berlesen) oleh UNISEL, dan sekiranya instalasi perisian tersebut mengakibatkan kerosakan, gangguan, atau ancaman keselamatan;
- v. Bertanggungjawab ke atas kehilangan, kerosakan, perubahan, data atau maklumat dalam simpanan pengguna, jika perkara-perkara ini berlaku disebabkan oleh kesilapan pada ciri-ciri perkhidmatan ICT yang disediakan oleh UNISEL; dan
- vi. Bertanggungjawab membuat salinan ('backup') data, fail dan program kepunyaan sendiri yang dimiliki dan disimpan di komputer atau server masing-masing.